

**UNSUR-UNSUR SYIAH DALAM KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL**



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**OLEH :**

**MOHD AKMAL SIDIK  
HADENAN TOWPEK  
WAN ARIFFIN WAN YON**

**JUN 2016**

## Isi Kandungan

1. Surat Penyerahan Kajian.....	iii
2. Surat Tawaran (Geran Penyelidikan) .....	iv
3. Penghargaan .....	v
4. Penambahbaikan Tajuk Kajian dan Objektif.....	vi
5. Laporan .....	1
5.1 Cadangan Ringkasan Kajian.....	1
5.2 Ringkasan Kajian .....	1
5.3 Pengenalan.....	2
5.4 Literature Review .....	6
5.5 Metodologi .....	7
5.6 Dapatan Kajian .....	8
5.7 Penutup dan Cadangan.....	11
5.8 Bibliografi .....	12
6. Hasil Kajian .....	13
7. Lampiran .....	10

PEJABAT TIMBALAN REKTOR PJI

Universiti Teknologi MARA Sarawak  
Kampus Samarahan,  
Jalan Meranek,  
94300 Kota Samarahan  
Tel: 082-67XXXX Fax: 082-677300  
e-mail: rasedah@sarawak.uitm.edu.myUNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAKSurat Kami : 600-RMU/DANA 5/3 (6/2015)  
Tarikh : 25 Mei 2015Mohd Akmal Bin Sidik  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Sarawak Kampus 2  
KOTA SAMARAHAN

YBhg Dato/Prof/Dr/Tuan/Puan

## KELULUSAN PERMOHONAN DANA KECEMERLANGAN 1/2015

Tajuk Projek	:	UNSUR-UNSUR SYIAH DALAM KESUSTERAAN MELAYU TRADISIONAL
Kod Projek	:	600-RMU/DANA 5/3 (06/2015)
Kategori Projek	:	Kategori H
Tempoh	:	1 June 2015 hingga 31 Mei 2016
Jumlah Peruntukan	:	RM5,000.00
Ketua Projek	:	MOHD AKMAL BIN SIDIK

Dengan hormatnya perkara di atas adalah rujuk.

- Sukacita dimaklumkan pihak Universiti telah meluluskan cadangan penyelidikan YBhg Dato/Prof/Dr/Tuan/Puan untuk membiayai projek penyelidikan di bawah Dana Kecemerlangan UiTM.
- Bagi pihak Universiti kami mengucapkan tahniah kepada Dato/Prof/Dr/Tuan/Puan kerana kejayaan ini dan seterusnya diharapkan berjaya menyiapkan projek ini dengan cemerlang.
- Peruntukan kewangan akan disalurkan melalui tiga (3) peringkat berdasarkan kepada laporan kemajuan serta kewangan yang mencapai perbelanjaan lebih kurang 50% dari peruntukan yang diterima.

Peringkat Pertama	20%
Peringkat Kedua	40%
Peringkat Ketiga	40%

- Pihak YBhg Dato/Prof/Dr/Tuan/Puan adalah diminta untuk mengisi borang setuju terima projek penyelidikan dan mendaftarkan Penyelidikan ini ke dalam Sistem PuTRAS. Hasil projek hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya satu (1) indeks Scopus/IEEE/ISI. Hasil tersebut hendaklah dibuat dalam masa enam (6) bulan selepas tamat projek. Kegagalan berbuat demikian akan dikira sebagai (Projek Tamat Tanpa Output).

Sekian, harap maklum.

"SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN DENGAN JAYANYA"

Yang benar

PROF. DATO DR. JAMIL H.J. HAMALI  
Rektor

/mhd



## **5. Laporan**

### **5.1 Cadangan Ringkasan Kajian**

Fahaman Syiah dan kaitannya dengan sejarah penyebaran Islam di Kepulauan Melayu telah lama menjadi bahan kajian oleh sejarawan tempatan dan antarabangsa. Ini kerana para sejarawan tidak bersepakat dalam menentukan fahaman apa yang paling awal dianuti oleh masyarakat Islam di Kepulauan Melayu, sama ada fahaman Syiah atau Sunni. Teori Syiah sebagai fahaman terawal dikemukakan berdasarkan bukti-bukti yang menunjukkan kehadiran penganut Syiah di Perlak pada tahun 800 M dan menubuhkan dinasti 'Aziziyah berfahaman Syiah di Perlak pada tahun 888 M. Teori ini dibantah oleh pengkaji seperti Azyumardi Azra dan Hamka berikutan tiada bukti yang kukuh tentang kewujudan dinasti 'Aziziyah tersebut di samping terdapat kesamaran tentang riwayat kehadiran penganut Syiah di Perlak pada tahun 800 M tersebut. Manakala teori kedua, iaitu fahaman Sunni merupakan fahaman terawal yang dianuti oleh umat Islam di Kepulauan Melayu. Bagi merungkaikan persoalan di atas, penelitian terperinci ke atas manuskrip-manuskrip Kesusasteraan Melayu Tradisional mesti dilakukan. Ini kerana manuskrip Kesusasteraan Melayu Tradisional merupakan bukti yang terselamat dan boleh digunakan bagi menggambarkan situasi sebenar pada zaman ia ditulis. Sekiranya terdapat unsur-unsur Syiah dalam manuskrip-manuskrip Kesusasteraan Melayu Tradisional, maka terdapat kemungkinan bahawa Syiah menjadi anutan masyarakat Islam pada zaman tersebut. Penelitian yang dilakukan tersebut mestilah dimulakan dengan memberi penjelasan yang jelas tentang unsur-unsur Syiah.

### **5.2 Ringkasan Kajian**

Fahaman Syiah dan kaitannya dengan sejarah penyebaran Islam di Kepulauan Melayu telah lama menjadi bahan kajian oleh sejarawan tempatan dan antarabangsa. Ini kerana para sejarawan tidak bersepakat dalam menentukan fahaman apa yang paling awal dianuti oleh masyarakat Islam di Kepulauan Melayu, sama ada fahaman Syiah atau Sunni. Teori Syiah sebagai fahaman terawal dikemukakan berdasarkan bukti-bukti yang menunjukkan kehadiran penganut Syiah di Perlak pada tahun 800 M dan menubuhkan dinasti 'Aziziyah berfahaman Syiah di Perlak pada tahun 888 M. Teori ini dibantah oleh pengkaji seperti Azyumardi Azra dan Hamka berikutan tiada bukti yang kukuh tentang kewujudan dinasti 'Aziziyah tersebut di samping terdapat kesamaran tentang riwayat kehadiran penganut Syiah di Perlak pada tahun 800 M tersebut. Manakala teori kedua, iaitu fahaman Sunni merupakan fahaman terawal yang dianuti oleh umat Islam di Kepulauan Melayu. Bagi merungkaikan persoalan di atas, penelitian terperinci ke atas manuskrip-manuskrip Kesusasteraan Melayu Tradisional mesti dilakukan. Ini kerana manuskrip Kesusasteraan Melayu Tradisional merupakan bukti yang terselamat dan boleh digunakan bagi menggambarkan situasi sebenar pada zaman ia ditulis. Sekiranya terdapat unsur-unsur Syiah dalam manuskrip-manuskrip Kesusasteraan Melayu Tradisional, maka terdapat kemungkinan bahawa Syiah menjadi anutan masyarakat Islam pada zaman tersebut. Penelitian yang dilakukan tersebut mestilah dimulakan



## UNSUR-UNSUR SYIAH DALAM KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL: SATU TINJAUAN AWAL

Mohd Akmal Sidik<sup>1a</sup>, Wan Ariffin Wan Yon<sup>2b</sup> dan Hadenan Towpek<sup>3</sup><sup>1,2,3</sup>Universiti Teknologi MARA Sarawak,  
<sup>a</sup>akmal.sidik@gmail.com, <sup>b</sup>alafjana@gmail.com

**Abstrak:** Fahaman Syiah dan kaitannya dengan sejarah penyebaran Islam di Kepulauan Melayu telah lama menjadi bahan kajian oleh sejarawan tempatan dan antarabangsa. Ini kerana para sejarawan tidak bersetuju dalam menentukan fahaman apa yang paling awal dianuti oleh masyarakat Islam di Kepulauan Melayu, sama ada fahaman Syiah atau Sunni. Teori Syiah sebagai fahaman terawal dikemukakan berdasarkan bukti-bukti yang menunjukkan kehadiran penganut Syiah di Perlak pada tahun 800 M dan menubuhkan dinasti 'Aziziyah berfahaman Syiah di Perlak pada tahun 888 M. Teori ini dibantah oleh pengkaji seperti Azyumardi Azra dan Hamka berikutan tiada bukti yang kukuh tentang kewujudan dinasti 'Aziziyah tersebut di samping terdapat kesamaran tentang riwayat kehadiran penganut Syiah di Perlak pada tahun 800 M tersebut. Manakala teori kedua, iaitu fahaman Sunni merupakan fahaman terawal yang dianuti oleh umat Islam di Kepulauan Melayu. Bagi merungkakan persoalan di atas, penelitian terperinci ke atas manuskrip-manuskrip Kesusasteraan Melayu Tradisional mesti dilakukan. Ini kerana manuskrip Kesusasteraan Melayu Tradisional merupakan bukti yang terselamat dan boleh digunakan bagi menggambarkan situasi sebenar pada zaman ia ditulis. Sekiranya terdapat unsur-unsur Syiah dalam manuskrip-manuskrip Kesusasteraan Melayu Tradisional, maka terdapat kemungkinan bahawa Syiah menjadi anutan masyarakat Islam pada zaman tersebut. Penelitian yang dilakukan tersebut mestilah dimulakan dengan memberi penjelasan yang jelas tentang unsur-unsur Syiah.

**Kata Kunci:** Unsur Syiah, Kesusasteraan Melayu Tradisional, Kepulauan Melayu, Sejarah Kedatangan Islam.

### Pendahuluan

Perbincangan tentang mazhab terawal yang menjadi ikutan masyarakat Islam di Kepulauan Melayu merupakan rentetan dari perbincangan tentang teori kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu. Salah satu dari teori kedatangan Islam, bahawa Islam yang dianuti oleh penduduk di Kepulauan Melayu telah dibawa dari India-Parsi. Ini kerana, pengaruh Parsi telah dikenalpasti wujud dalam kebudayaan Melayu seperti kesusasteraan, amalan-amalan dan selainnya. Sebagai contoh, Hikayat Ali Hanafiah dikatakan sebagai karya Syiah dan mempunyai kaitan dengan Hari Asyura (Wieringa, 1996:98). Dari segi amalan-amalan pula, perayaan Tabut, sambutan hari Asyura dan selainnya adalah contoh-contoh amalan dalam masyarakat Melayu yang mempunyai unsur Syiah. Persoalan yang timbul ialah, adakah pengaruh Parsi merupakan satu indikator penting pengamalan mazhab Syiah dalam kalangan masyarakat di Kepulauan Melayu? Azyumardi Azra tidak bersetuju kerana menurut beliau, pengaruh Parsi tidak semestinya merupakan amalan Syiah. Ini kerana hubungan India-Parsi dengan Kepulauan Melayu telah lama wujud sejak sebelum Islam lagi (Azra, 2000). Walaupun begitu, terdapat pengkaji lain seperti Majid Daneshgar yang menggunakan istilah *Persian Shi'ism* ketika membahaskan unsur-unsur Syiah yang terdapat di Kepulauan Melayu (Daneshgar, 2014). T.W Arnold pula telah lama menyatakan bahawa Islam yang tersebar di Indonesia mempunyai pengaruh India-Parsi adalah disebarkan oleh orang-orang Syiah (Arnold:1913). Ini sekaligus mewujudkan perkaitan antara kebudayaan India-Parsi dengan Syiah. Perbezaan pendapat seperti ini perlu dirungkakan melalui kajian lanjutan.

### Mazhab Awal Anutan Penduduk Kepulauan Melayu

Terdapat dua teori dikemukakan oleh sejarawan mengenai mazhab terawal yang menjadi ikutan masyarakat Islam di Kepulauan Melayu, iaitu teori Sunni dan teori Syiah. Teori Syiah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji seperti A. Hajsmy, S.Q Fatimi, Aboe Bakar Atjeh, M. Yunus Jamil, Mahayuddin Yahya, Abdul Rahman Abdullah dan selainnya (Mohd&Azmul, 2009). Menurut al-Haddad, terdapat sekelompok Arab berketurunan 'Alawiyyin telah melarikan diri ke Champa berikutan kekejaman tentera al-Hajjaj (al-Haddad, 1997) manakala S.Q Fatimi pula mengemukakan bukti penemuan batu nisan seorang penganut Syiah di Champa bertarikh 431 H/ 1039 M) (S.Q.Fatimi, 1963). Menurut Majlis Syiah Malaysia, Parameswara yang mengasaskan Melaka juga telah diIslamkan oleh seorang Syiah bernama Sayyid Abdul Aziz (Majlis Syiah Malaysia, 2011). Menurut A. Hajsmy pula, serombongan pendakwah Syiah yang terdiri dari 100 orang pendakwah Arab, Parsi dan India telah tiba di Perlak pada tahun 173 H/789 M. Seorang cucu Imam Syiah Keenam bernama Ali bin Muhammad al-Dibaj bin Ali bin Ja'far al-Sadiq merupakan sebahagian dari ahli rombongan tersebut. Ali al-Dibaj seterusnya dikahwinkan dengan adik Raja Perlak dan melahirkan Sayyid Abdul Aziz Shah. Sayyid Abdul Aziz Shah merupakan pemerintah Syiah yang pertama di Perlak yang dikenali sebagai Dinasti Aziziyah (Hajsmy, 1981).

Teori Syiah ini telah dibangkang oleh tokoh-tokoh seperti Hamka dan Azyumardi Azra (Mohd&Azmul, 2009). Menurut Hamka, terdapat karya khayalan yang direka oleh Onggang Parlindungan berjudul Tuanku Rao mengenai kewujudan Syiah Qaramitah di Minangkabau. Karya ini telah direka berpandukan 2% daripada sumber yang telah terbakar (Hamka, 1974). Menurut teori Sunni, fahaman Syiah tidak pernah bertapak kukuh di Kepulauan Melayu kerana tiada sumber-sumber sejarah yang kukuh dan teruji kesahihannya untuk menyokong teori Syiah tersebut. Bukti-bukti yang dikemukakan dalam teori Syiah telah ditolak satu persatu oleh Azyumardi Azra. Menurut Azra, individu yang bernama Ali bin Muhammad al-Dibaj tidak pernah tiba di Perlak kerana beliau sebenarnya telah dikebumikan di Baghdad (Azyumardi Azra, 2000). Kajian arkeologi juga menolak kewujudan kerajaan awal uarif, 2001)